

16 JUL 2001

Parlimen-Bahas

LUASKAN KUASA POTONG BEKALAN ELEKTRIK DI PREMIS MESIN JUDI HARAM

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ini mencadangkan supaya pegawai daerah dan yang dipertua pihak berkuasa tempatan diberikan kuasa memotong bekalan elektrik di premis-premis yang terlibat kegiatan mesin perjudian haram.

Chang See Ten (BN-Gelang Patah) semasa membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 di Dewan Rakyat, berkata ia bertujuan meningkatkan lagi keberkesanan penguatkuasaan undang-undang berkaitan pengendalian mesin perjudian haram yang berleluasa.

"Seksyen 38 (1)(a) akta pindaan itu perlu dirujuk semula kerana ia hanya membolehkan pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Penolong Penguasa Polis diberi kuasa memotong bekalan elektrik di premis berkenaan," katanya.

Rang undang-undang itu antara lain bertujuan memperkukuhkan dan mempertingkatkan keberkesanan kawalselia sektor tenaga iaitu bekalan elektrik dan bekalan gas.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Tan Chai Ho semasa membentangkan rang undang-undang itu bagi bacaan kali kedua berkata penubuhan suruhanjaya itu akan melibatkan pemindahan kuasa kawalselia daripada badan kawalselia sedia ada iaitu jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga.

Fasal 29 yang melibatkan kepada Seksyen 38 mengandungi dua peruntukan baru yang diperkenalkan selaras dengan pindaan kepada Akta Rumah Judi Terbuka 1953, katanya.

Wakil dari Seputih, Teresa Kok Suh Sim (DAP) pula meminta kerajaan menilai semula Peraturan Standard dan Teknikal Kebangsaan bagi memastikan semua peralatan elektrik yang terdapat di pasaran sekarang selamat.

Beliau juga inginkan penjelasan mengenai keberkesanan tenaga yang dihasilkan oleh semua janakuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejak ia diswastakan memandangkan kerajaan memberi banyak penekanan terhadap keberkesanan tenaga dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8).

Beliau mencadangkan supaya kerajaan mengadakan Dasar Tenaga Kebangsaan bagi menangani masalah pengeluaran tenaga.

"Kita juga memerlukan kajian yang teliti tentang data pengeluaran dan pengeluaran yang digunakan oleh sektor domestik dan perindustrian serta penjimatan tenaga," katanya.

Liow Tiong Lai (BN-Bentong) dalam perbahasannya mencadangkan supaya perlaksanaan rang undang-undang itu nanti haruslah seimbang dan saksama kepada semua pihak.

Beliau memberi contoh kejadian apabila penyewa premis yang berpindah tidak membayar bil sehingga membebankan pemilik premis yang terpaksa menanggung bayaran tunggakan dan surcaj yang dikenakan.

Husam Musa (PAS-Kubang Kerian) semasa membahaskan rang undang-undang itu, berkata tarif pembekalan elektrik kepada pengguna perlu munasabah.

Katanya, pengurangan harga atau tarif elektrik yang sedia ada boleh diturunkan lagi jika Suruhanjaya Tenaga dan TNB dapat mengambil kira beberapa langkah antaranya mewujudkan tender terbuka dalam semua urusan niaga dan pemberian kontraknya.

Husam berkata menjelang tahun 2005, Malaysia dijangka akan mengalami lebihan pengeluaran tenaga oleh loji TNB dan loji di bawah lima syarikat Pengeluar Tenaga Bebas.

Katanya, ketika itu permintaan terhadap tenaga dijangka akan

berkurangan sebanyak tiga peratus iaitu daripada 11 peratus kepada lapan peratus sahaja.

Fong Kui Lum (DAP-Bukit Bintang) pula mempersoalkan tentang kesahihan kutipan surcaj sebelum rang undang-undang berkenaan dikuatkuasakan kerana para pengguna kini telahpun membayar surcaj ke atas bil yang lewat dibayar.

Oleh itu adalah tidak wajar surcaj dikenakan ke atas bil yang lewat dibayar iaitu pada kadar satu peratus walaupun tempoh kelewatan penjelasan bil berkenaan cuma seminggu, katanya.

Mohd Apandi Mohamad (PAS-Jeli) pula menyentuh mengenai peruntukan tambahan kepada projek hidro elektrik Bakun di Sarawak yang menurutnya tidak sepatutnya diberikan oleh kerajaan memandangkan projek berkenaan telah terbengkalai.

Ketika itu, Datuk Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) bangun sambil mencelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan bahawa setiap pembangunan IPP yang akan datang (baru) akan ditender.

Kerajaan mengumumkan perkara itu dalam Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di sini hari ini, katanya.

Jamaluddin berkata TNB telah membuat dasar bahawa terdapat dua alasan sahaja untuk menaikkan tarif elektrik.

"Yang pertama apabila kos naik dan yang kedua apabila ada nilai tambahan yang baru kepada pengguna," katanya.

Jamaluddin berkata adalah menjadi dasar TNB bahawa jika ia tidak boleh meyakinkan kerajaan mengenai dua alasan itu, kerajaan tidak perlu memberikan pertimbangan untuk menaikkan tarif.

Rang undang-undang itu kemudian diluluskan.

-- BERNAMA

FA MUN NZ MOZ